

14/11/1998

(Seorang ketua korporat Amerika ... )

SEORANG ketua korporat Amerika Syarikat berkata, ekonomi Malaysia kini mula menunjukkan petanda pemulihan dengan orang ramai lebih berkeyakinan untuk meneruskan pemulihan.

Pengerusi Aetna International Inc Michael A Stephens berkata, beliau menyedari orang ramai kini lebih berkeyakinan berbanding enam bulan lalu ketika kali terakhir beliau berada di Kuala Lumpur.

"Kesan krisis ekonomi ke atas Malaysia adalah berbeza kini. Rakyat lebih yakin dan optimistik terhadap masa depan.

"Dengan kepemimpinan baik dan ekonomi yang semakin pulih, keadaan semakin baik sekarang dan pandangan ini datangnya daripada seseorang yang memerhati dari luar," katanya selepas membuat kunjungan hormat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri, semalam.

(END)